

Ombudsman Malaysia perkukuh integriti sektor awam

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menubuhkan Ombudsman Malaysia sebagai agensi pusat untuk mengurus dan menyelesaikan aduan awam dengan mandat lebih menyeluruh merangkumi isu salah tadbir, salah laku, perlindungan pemberi maklumat dan kebebasan maklumat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu adalah antara persetujuan penting yang dicapai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) Siri 8 yang dipengerusikannya di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

Beliau berkata, penubuhan Ombudsman Malaysia menzahirkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuh hak rakyat serta memelihara integriti sektor awam dan Rang Undang-Undang Ombudsman



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional Siri 8 di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

(Foto FB-Anwar Ibrahim)

Malaysia dijadual dibentangkan pada awal 2026.

“Melalui Mesyuarat JKKTN Siri 8 pagi ini (semalam), beberapa persetujuan penting memba-

bitkan pembaharuan dasar dan perundangan telah dicapai bagi memperkukuh keberkesanan serta integriti pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam,”

katanya menerusi hantaran di Facebook.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan MADANI turut memberi penekanan terhadap pen-

ingkatan tahap pematuhan korporat bagi syarikat yang mengurus dana awam agar mandat sosial mereka dilaksanakan mengikut standard tadbir urus yang baik serta berpaksikan kerangka undang-undang lebih tersusun.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, ini termasuk cadangan penggubalan undang-undang baharu bagi menyelaraskan Perusahaan yang Dimiliki atau Dikawal oleh Kerajaan (SOE) termasuk anak syarikat badan berkanun.

“Persetujuan ini mencerminkan iltizam teguh Kerajaan MADANI untuk memacu reformasi institusi, dasar dan perundangan secara holistik demi mengukuhkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ketelusan pentadbiran negara dan mutu perkhidmatan awam,” katanya. **BERNAMA**